

NO. SOALAN : 116

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB. PROF. DR. ISMAIL BIN DAUT
[MERBOK]**

SOALAN :

YB. Prof. Dr. Ismail Bin Daut [Merbok] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan berapakah kos yang dapat dijimatkan oleh Kementerian bagi penutupan semua pejabat Tourism Malaysia di seluruh negara dan apakah yang ingin dilakukan terhadap bangunan-bangunan pejabat yang telah ditutup itu.

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berikutan penutupan sepuluh (10) buah pejabat Tourism Malaysia Negeri dan menaiktaraf empat (4) buah Pejabat Tourism Malaysia Negeri sebagai Pejabat Tourism Malaysia Wilayah, sejumlah RM 4.6 juta dapat dijimatkan setiap tahun daripada sewa pejabat, utiliti, penyelenggaraan dan lain-lain.

Setelah urusan penutupan selesai, Tourism Malaysia akan menyerahkan kembali bangunan/lot pejabat kepada pemilik asal bangunan/lot tersebut.

Sekian, terima kasih.